

**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR
ABDULLAH
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
MERANGKAP YANG DIPERTUA KELAB PERBENDAHARAAN
SEMPENA HARI KELUARGA PERBENDAHARAN
PADA 19 OGOS 2017 (SABTU), JAM 8.30 PAGI
BERTEMPAT DI MAEPS, SERDANG**

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

YB Dato' Wira Othman Aziz
Timbalan Menteri Kewangan I

YB Dato' Lee Chee Leong
Timbalan Menteri Kewangan II

YBhg Dato' Haji Che Pee bin Samsudin
Ketua Akauntan Negara

YBhg. Dato'-Dato' Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

Warga Perbendaharaan dan Jabatan Akauntan Negara

Serta Rakan Media yang saya hormati sekalian.

ALUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua sekali lagi kita dapat berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan Hari Keluarga Kelab Perbendaharaan Tahun 2017.

**Menggulai ayam janganlah lupa
Letak tauhu santan bersari
Kuah nan sarat semakin pekat
Hari semalam tak sempat menyapa
Berselisih bahu di majlis ini
Hati yang erat semakin mengikat**

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Wira Othman Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I dan Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Kewangan II di dalam kesibukan ini sudi menerima jemputan kami untuk menghadiri Hari Keluarga 2017. Walaupun pada kebiasaannya sibuk memenuhi program di kawasan masing-masing di hujung minggu, kehadiran Yang Berhormat – Yang Berhormat ke Hari Keluarga kali ini amat memberi makna yang mendalam di hati kami. (kita berikan satu tepukan gemuruh buat mereka)

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada semua ahli Jawatankuasa yang menjayakan program Hari Keluarga pada hari ini.
4. Saya dimaklumkan bahawa kehadiran warga MOF dan keluarga yang menyertai program ini dianggarkan lebih kurang 5,000 orang. Saya mengucapkan tahniah kepada semua warga kerana telah hadir memberi sokongan kepada Hari Keluarga kita ini. Program sebegini sangat penting untuk mewujudkan kesedaran dalam mengiktiraf keluarga sebagai unit asas yang penting dalam membina masyarakat penyayang ke arah keharmonian negara. Hari Keluarga juga dapat mengukuhkan lagi kesejahteraan dan melahirkan masyarakat yang berkualiti.
5. Saya percaya semua yang hadir pada hari ini amat berbangga dengan kehadiran tetamu-tetamu khas kita ini dan dalam masa yang sama gembira kerana diberi kesempatan untuk meluangkan masa bersama-sama ahli keluarga dan merehatkan minda dari kesibukan harian dan tugas pejabat serta tekanan yang dialami di tempat kerja. Sesungguhnya aktiviti seperti ini adalah antara cara pengurusan *stress* yang boleh kita laksanakan. Malah, ia dapat memberi ruang dan peluang kepada semua warga MOF untuk berkumpul dan berada di dalam satu majlis.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Menariknya hari ini, menerusi **pelbagai aktiviti** yang dianjurkan pagi ini, saya yakin hubungan yang terjalin ini akan lebih erat dan kukuh. Begitu juga dalam konteks hubungan keluarga, ibu bapa dan anak-anak. Semoga ia dapat memberi impak yang positif dalam mencetuskan perasaan kasih sayang dan semangat kekeluargaan yang lebih tinggi serta pengukuhan dan pemantapan semangat kerjasama di dalam organisasi.
7. Berkumpulnya kita semua di dalam program ini adalah sebagai satu tanda keprihatinan Kelab Perbendaharaan selaku penganjur terhadap pembangunan institusi keluarga, dengan tema “**Berkelah & Santai**”.
8. Hari Keluarga bukan sahaja untuk kita berkumpul dan bersuka ria bersama keluarga. Malah, Hari Keluarga adalah satu **platform yang baik** kepada organisasi khususnya Perbendaharaan untuk merapatkan lagi ukhwah, silaturahmi yang bertujuan untuk memupuk semangat kerja berpasukan. Sesebuah organisasi tidak mampu untuk berjaya dengan sendiri tanpa sokongan dan kerjasama dari semua pihak. Istilah budaya ‘silo’ perlu dihapuskan dan pemupukan nilai-nilai berpasukan perlu diterapkan ke dalam minda kita supaya misi dan visi Perbendaharaan dapat dicapai.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Seperti mana kita sedia maklum, Bajet 2018 akan dibentangkan di Parlimen pada 27 Oktober 2017. **Saya percaya persiapan untuk mendapatkan maklumbalas dan cadangan daripada rakyat amnya dan focus group khasnya, penyediaan Laporan Ekonomi 2017/2018 dan Bajet 2018 ini sedang berjalan dengan lancar. Sekiranya tuan/puan yang ada di sini ingin memberikan cadangan atau idea mengenai Bajet 2018, bolehlah emelkan kepada ideabajet2018@treasury.gov.my atau yang lebih mudah melalui #ideabajet2018 di saluran media sosial masing-masing.**
10. Dalam masa yang sama, ingin saya tekankan juga di sini agar kita tidak terlalu cepat mempercayai berita-berita yang memaparkan keburukan negara kita yang disebarkan melalui media sosial terutamanya whatsapp.
11. Oleh itu, setiap warga kerja juga perlu menanamkan semangat saling ingat mengingati, kerjasama yang padu dan bersatu hati dalam memberikan sepenuh komitmen terhadap tanggungjawab yang diamanahkan serta berusaha meningkatkan keupayaan, kecekapan dan kepakaran kerja di samping mengamalkan nilai-nilai murni dalam pelaksanaan tugas seharian. Nilai-nilai ini perlu disokong dengan visi, misi dan strategi-strategi organisasi yang jelas dan mempunyai fokus.

PENUTUP

12. Akhir sekali, saya ingin **menyeru kepada semua ahli keluarga Perbendaharaan termasuk Jabatan Akauntan Negara yang bersama kita hari ini untuk terus bekerja dengan penuh komited** serta berdisiplin dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, berusaha mengekalkan keharmonian sepanjang masa, setia kepada ketua dan organisasi serta bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa warga kerja Perbendaharaan dan AG ini merupakan sebahagian warga yang akan mampu menjadikan MOF sebuah kementerian yang cemerlang.

13. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua ahli Jawatankuasa di atas kejayaan dalam menganjurkan Hari Keluarga 2017 ini. Semoga acara begini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

**Balik tualang tampak erat
Akar beringin habis menyimpul
Keras tautnya umpama batu
Adik abang jauh dan dekat
Hari ini kita berkumpul
5000 jiwa menjadi satu**

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

19 Ogos 2017